

MTUC bantah kadar baru bantuan hilang upaya

KUALA LUMPUR 26 Nov. — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mendesak supaya kadar baru bantuan hilang keupayaan dan kematian penjarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dikembalikan ke paras asal iaitu antara RM1,000 hingga RM35,000.

Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak berkata, kongres itu membantah paras terbaru meskipun Lembaga KWSP yang bermesyuarat semalam memutuskan untuk menaikkan kadar semasa RM2,000 kepada RM5,000.

"MTUC telah pun menyatakan penentangan dan kesal dengan kadar baru tersebut yang disifatkan terlalu rendah pada mesyuarat Lembaga KWSP semalam," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini, hari ini.

Kenyataan KWSP semalam menyebut bahawa kadar bantuan hilang keupayaan baru ialah RM5,000 manakala bayaran kerana kematian pula sebanyak RM2,500.

KWSP dalam kenyataan itu turut berkata, keputusan tersebut diambil pada mesyuarat Lembaga KWSP yang diadakan semalam dan penjarum yang layak hendaklah berumur tidak melebihi daripada 55 tahun.

Kadar baru berkuat kuasa mulai hari ini.

Kadar bantuan hilang keupayaan dan kematian merupakan salah satu daripada enam perkara dijadikan perkara asas tindakan picket terhadap KWSP pada bulan Mei tahun lalu.

Bagaimanapun MTUC membatalkan picket ekoran jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menyelesaikan permintaan pergerakan kesatuan sekerja tersebut.

Mengulas lanjut, Zainal berkata, sehingga tahun 2000, penjarum KWSP menerima antara RM1,000 hingga RM35,000 sebagai bayaran hilang upaya sementara bayaran untuk kematian pula antara RM2,000 dan RM5,000.

"Justeru MTUC mendesak KWSP supaya dapat mengkaji semula kadar bayaran baru itu berbanding kadar lama kerana dibimbangi tidak akan meringankan bebanan penjarum khususnya daripada kalangan berpendapatan rendah," ujarnya.

Zainal yang juga ahli Lembaga KWSP menambah, beliau telah pun meminta supaya kenyataan bantahan yang disuarakan itu sebagai mewakili MTUC turut direkodkan dalam minit mesyuarat lembaga berkenaan semalam.